

Bentuk Percampuran Kod Dari Aspek Golongan Kata dalam Penulisan Bahasa Melayu Murid Pekak Sekolah Pendidikan Khas

Nur Syafiza Shafeeⁱ & Muhammad Zuhair Zainalⁱⁱ

ⁱ Pelajar Sarjana, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, syafiza.shafee@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, zuhair@usm.my

Abstrak

Kajian ini berkaitan dengan percampuran kod dalam penulisan Bahasa Melayu murid pekak di sekolah pendidikan khas. Kajian melihat dari dua aspek iaitu mengenal pasti bentuk percampuran kod dalam penulisan ayat murid pekak dan melihat golongan kata dominan yang menyumbang kepada percampuran kod dalam penulisan ayat murid pekak. Kajian telah dilakukan di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Persekutuan di Pulau Pinang. Seramai tiga orang responden yang terdiri daripada murid tahun empat dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel untuk kajian ini dilakukan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Ketiga-tiga responden berada pada tahap sederhana dan boleh menulis dalam Bahasa Melayu. Skrip latihan murid bahagian A kertas penulisan digunakan sebagai bahan analisis kajian. Bahan kajian yang dipilih dianalisis mengikut pengkelasan bentuk percampuran kod dalam model kerancuan bahasa Teo Kok Seong (2006). Model ini mengandungi empat bentuk percampuran kod iaitu penukaran kod tempelan, penukaran kod dalam ayat, penukaran kod di antara ayat dan penukaran kod dalam perkataan. Dapatan kajian mendapati bahawa penukaran kod dalam ayat merupakan bentuk percampuran kod paling tinggi yang dilakukan oleh murid iaitu sebanyak 49 ayat daripada 53 ayat yang terlibat dengan percampuran kod. Empat daripada ayat yang dianalisis merupakan percampuran kod di antara ayat. Manakala percampuran kod menggunakan kata nama merupakan paling dominan dilakukan oleh murid pekak iaitu sebanyak 18 daripada 31 perkataan. Seterusnya diikuti dengan kata kerja (enam), kata tugas (lima) dan kata adjektif (dua) perkataan.

Kata kunci: percampuran kod, golongan kata, penulisan Bahasa Melayu, murid pekak, pendidikan khas

1.0 PENGENALAN

Dalam kajian ini, percampuran kod dilihat dalam aspek penulisan ayat murid yang mengalami masalah pendengaran. Murid bermasalah pendengaran juga dikenali sebagai murid pekak (Abdullah Yusoff, 2014). Murid pekak berkomunikasi menggunakan isyarat tangan. Mereka tidak berkomunikasi secara bertutur kerana tahap kebolehpayaan mereka untuk mendengar sangat rendah menyebabkan mereka tidak dapat menyebut bunyi-bunyi dengan betul. Namun begitu, dari segi penulisan, murid pekak boleh menulis seperti murid biasa. Mereka juga menerima pendidikan yang sama seperti murid di aliran perdana. Oleh itu, mereka juga terlibat dalam melakukan percampuran kod dalam penulisan. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti bentuk percampuran kod yang dilakukan oleh murid pekak mengikut pengkelasan Teo Kok Seong dalam model Kerancuan Bahasa. Kajian juga melihat perkataan dari golongan kata yang paling dominan dicampuradukkan ke dalam ayat bahasa Melayu murid pekak.

Fenomena percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris ini juga disebut sebagai 'bahasa rojak' (Roksana Bibi, 2015). Percampuran kod biasanya dapat diterima dalam konteks komunikasi seharian. Namun begitu, percampuran kod tidak boleh diterima dalam situasi rasmi atau dalam bahasa ilmu, terutama dalam penulisan. Masalah percampuran kod dalam kalangan murid sekolah di peringkat yang membimbangkan. Rata-rata murid banyak melakukan percampuran kod dalam penulisan. Murid kerap mencampur aduk pelbagai bentuk golongan kata mengikut tahap penguasaan kosa kata masing-masing. Kajian Nor Hashimah dan Adriana Santa (2016) ke atas murid Cina di sebuah pusat tuisyen menyokong bahawa masalah percampuran kod ini ditahap membimbangkan. Kajian yang dijalankan mendapati murid sering kali melakukan percampuran kod kata nama, kata kerja, penanda wacana, masa dan kata adjektif dalam aktiviti penulisan karangan bahasa Melayu.

2.0 METODOLOGI

Reka bentuk kajian kualitatif ini berbentuk kajian kes. Kaedah yang digunakan berbentuk analisis teks dan kepustakaan. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah kebangsaan pendidikan khas di Pulau Pinang. Persampelan bertujuan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini kerana pengkaji memerlukan sampel yang dapat memberi input yang banyak terhadap kes yang dikaji. Sampel kajian adalah seramai tiga orang murid dari tahun 4. Kesemua responden boleh menulis ayat dalam Bahasa Melayu. Data diperolehi daripada analisis dokumen latihan penulisan murid pada bahagian A.

3.0 DAPATAN KAJIAN

Menurut pengelasan percampuran kod oleh Teo Kok Seong, percampuran kod terbahagi kepada empat bentuk iaitu penukaran kod tempelan, penukaran kod dalam perkataan, penukaran kod di antara ayat dan penukaran kod dalam ayat. Penukaran kod tempelan adalah apabila hanya satu perkataan Bahasa Inggeris digunakan dalam keseluruhan ayat Bahasa Melayu. Penukaran kod dalam perkataan merujuk kepada penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam satu perkataan. Penukaran kod di antara ayat pula merujuk kepada penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris secara berselang-seli dalam ayat-ayat yang ditulis. Contohnya ayat pertama ditulis dalam bahasa Melayu sepenuhnya, manakala ayat seterusnya ditulis dalam bahasa Inggeris sepenuhnya. Bentuk keempat ialah penukaran kod dalam ayat iaitu penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris secara bercampur sama ada dalam subjek atau predikat ayat bahasa Melayu. Dapatan daripada kajian ini mendapati hanya dua bentuk sahaja yang dilakukan oleh murid iaitu penukaran kod di antara ayat dan juga penukaran kod dalam ayat.

3.1 Penukaran kod di antara ayat

Penukaran kod di antara ayat adalah apabila murid menggunakan keseluruhan perkataan Bahasa Inggeris dalam satu ayat. Percampuran kod bentuk ini boleh dilihat dalam empat ayat yang ditulis oleh responden iaitu ayat 8, 34, 37 dan 45.

Jadual 1. Penukaran kod di antara ayat

Ayat 8	<i>Ying and Yaya read.</i>
Ayat 34	<i>Boy water flower.</i>
Ayat 37	<i>Yi Ying read book.</i>
Ayat 45	<i>Firdaus dence.</i>

3.2 Penukaran kod dalam ayat

Penukaran kod dalam ayat adalah apabila murid menggunakan beberapa perkataan daripada Bahasa Inggeris dalam satu ayat Bahasa Melayu secara berselang-seli. Dalam kajian, didapati penukaran kod dalam ayat merupakan paling kerap dilakukan oleh murid. Kesemua responden melakukan percampuran kod dalam ayat iaitu sebanyak 49 ayat kesemuanya.

Kajian oleh Nor Hashimah dan Adriana Santa (2016) juga mendapati penukaran kod dalam ayat merupakan yang paling kerap dilakukan oleh murid. Kajiannya mendapati murid mencampurkan perkataan-perkataan dari bahasa lain dalam ayat berikutan kekurangan kosa kata dalam Bahasa Melayu. Percampuran kod dalam ayat ini juga dikenali sebagai peralihan kod intra-ayat.

4.0 GOLONGAN KATA DOMINAN YANG MENYUMBANG KEPADA PERCAMPURAN KOD

Golongan kata nama merupakan percampuran kod yang paling kerap dilakukan oleh murid. Jadual 2 menunjukkan bilangan suku kata bagi perkataan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Didapati 11 daripada 18 perkataan yang ditulis dalam bahasa Inggeris mempunyai suku kata yang lebih pendek daripada suku kata perkataan bahasa Melayu iaitu pada item 4, 7, 9-11, dan 13-18. Perincian bilangan suku kata bahasa Inggeris dan suku kata bahasa Melayu bagi golongan kata nama ditunjukkan seperti dalam Jadual 3.

Jadual 2. Kesalahan kata nama

Item	Bahasa Inggeris	Bilangan suku kata	Bahasa Melayu	Bilangan suku kata
1	camera	3	kamera	3
2	picture	2	gambar	2
3	paper	2	kertas	2
4	grass	1	rumput	2
5	ballon (balloon)	2	belon	2
6	flower	2	bunga	2
7	rope	1	tali	2
8	water	2	air	2
9	nest	1	sarang	2
10	wall	1	dinding	2
11	slide	1	gelungsur	3
12	bus	1	bas	1
13	school	1	sekolah	3
14	handfon (handphone)	2	telefon bimbit	5
15	hameer (hammer)	2	penukul	3
16	book	1	buku	2
17	ball	1	bola	2
18	boy	1	budak lelaki	5

Jadual 3: Bilangan suku kata bahasa Inggeris (BI) dan bahasa Melayu (BM) bagi kata nama

Suku kata BI	Suku kata BM	Nombor Item (perkataan)	Jumlah
1	1	12	1
2	2	2,3,5,6,8	5
3	3	1	1
1	2	4, 7,9,10,16,17	6
1	3	11, 13	2
1	5	18	1
2	3	15	1
2	5	14	1

Seterusnya ialah golongan kata kerja yang mempunyai enam perkataan bahasa Inggeris digunakan dalam ayat bahasa Melayu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Didapati keenam-enam perkataan bahasa Inggeris tersebut mempunyai suku kata yang lebih pendek berbanding perkataan bahasa Melayu. Perincian bilangan suku kata Bahasa Inggeris dan suku kata bahasa Melayu bagi golongan kata kerja ditunjukkan seperti dalam Jadual 5 berikut:

Jadual 4: Kesalahan kata kerja

Item	Kesalahan	Bilangan suku kata	Bahasa Melayu	Bilangan suku kata
19	cut	1	potong	2
20	run	1	lari	2
21	eat	1	makan	2
22	dance	1	menari	3
23	rest	1	rehat	2
24	read	1	baca	2

Jadual 5: Bilangan suku kata bahasa Inggeris (BI) dan bahasa Melayu (BM) bagi kata kerja

Suku kata BI	Suku kata BM	Nombor Item (perkataan)	Jumlah
1	2	19,20,21,23,24	5
1	3	22	1

Seterusnya ialah golongan kata tugas yang menunjukkan terdapat lima perkataan Bahasa Inggeris digunakan oleh murid pekak dalam ayat bahasa Melayu seperti dalam Jadual 6. Golongan kata tugas juga mendapati kesemua lima perkataan bahasa Inggeris yang digunakan dalam ayat mempunyai suku kata yang lebih pendek berbanding perkataan bahasa Melayu. Perincian bilangan suku kata bahasa Inggeris dan suku kata bahasa Melayu bagi golongan kata tugas ditunjukkan seperti dalam Jadual 7 berikut.

Jadual 6: Kesalahan kata tugas

Item	Kesalahan	Bilangan suku kata	Bahasa Melayu	Bilangan suku kata
25	in	1	dalam	2
26	and	1	dan	1
27	with	1	dengan	2
28	how	1	bagaimana	4
29	on	1	atas	2

Jadual 7: Bilangan suku kata bahasa Inggeris (BI) dan bahasa Melayu (BM) bagi kata tugas

Suku kata BI	Suku kata BM	Nombor Item (perkataan)	Jumlah
1	1	26	1
1	2	25,27,29	3
1	4	28	1

Golongan kata yang terakhir dan yang paling kurang percampuran kod ialah golongan kata adjektif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8. Kata adjektif kurang digunakan dalam ayat murid pekak kerana ayat yang ditulis kebanyakannya tidak mempunyai ayat keterangan. Namun, masih terdapat percampuran kod yang dilakukan dalam ayat yang melibatkan dua kata adjektif iaitu bagi perkataan 'cantik' (beauty) dan 'laju' (fast). Daripada dua perkataan ini, didapati juga ada perkataan Bahasa Inggeris yang lebih pendek suku kata berbanding Bahasa Melayu. Perincian bilangan suku kata bahasa Inggeris dan suku kata bahasa Melayu bagi golongan kata adjektif ditunjukkan seperti dalam Jadual 9 berikut:

Jadual 8: Kesalahan kata adjektif

Item	Kesalahan	Bilangan suku kata	Bahasa Melayu	Bilangan suku kata
30	beauty	2	cantik	2
31	fast	1	laju	2

Jadual 9: Bilangan suku kata bahasa Inggeris (BI) dan bahasa Melayu (BM) bagi kata adjektif

Suku kata BI	Suku kata BM	Nombor Item (perkataan)	Jumlah
2	2	30	1
1	2	21	1

5.0 PENUTUP

Dapatan kajian membuktikan masalah percampuran kod dalam penulisan bahasa Melayu murid pekak ditahap yang membimbangkan. Murid masih keliru untuk membezakan penggunaan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu dalam ayat. Pelbagai faktor boleh menyumbang kepada masalah percampuran kod dalam kalangan murid pekak. Seperti dapatan yang diperolehi, kekeliruan ini berkemungkinan besar disebabkan oleh perkataan-perkataan bahasa Inggeris yang mempunyai suku kata lebih pendek jika dibandingkan dengan perkataan bahasa Melayu. Hal ini disebabkan, suku kata pendek akan lebih mudah untuk diingat dan dieja oleh murid terutamanya kepada murid pekak yang tidak dapat mendengar ujaran perkataan oleh kerana kekangan pendengaran yang dihadapi.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Abdullah Yusoff. (2014). *Memahami Komunikasi Orang Pekak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur
- Hazlina. (2012). Pengaruh bahasa melayu dan bahasa inggeris dalam strategi penukaran kod bahasa perancis. *Jurnal of Language Studies*, 12(2).
- Ilker, Sulaiman & Rukayya. (2016). Comparison and convenience sampling and purposive sampling. *American Journal of Theoretical And Applied Statistic*, 5(1), 1-4.
- Mohd Asnorhisham. (2017). Pendekatan pengajaran secara berkumpulan dalam program pemulihan khas bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 66-73.
- Mohammad Fadzeli. (2015). Gaya peralihan kod dalam kesusasteraan multilingual di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 3(3), 49-57.
- Nor Hashimah & Adriana Santa. (2016). Percampuran kod dalam penulisan karangan bahasa melayu pelajar cina: analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 16(1).
- Patton, M.Q. (2002). *Qualitative Evaluation and Research Methods. 3th Edition*. Thousand Oaks, CA: Sage Publishing
- Roksana Bibi. (2015). Penyerapan bahasa dalam pertembungan budaya: kesalingan pinjam meminjam dalam kalangan tiga kelompok masyarakat di singapura. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 6.
- Siti Rahimah, Raja Masittah & Normahdiah. (2014). Kekeliruan jati diri punca bahasa bercampur aduk. *Jurnal Bahasa*, 14(1).
- Sumarsih, Masitowarni, Syamsul & Dedi. (2014). Code switching and code mixing in indonesia: study in sociolinguistics. *English Language and Literature Studies*, 4(1).
- Teo Kok Seong (2006). Kerancuan dalam bahasa melayu. *Jurnal Bahasa*, 6(4), 698-711.

Biodata Ringkas Penulis

Nur Syafiza Shafee ialah seorang guru bahasa Melayu di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Persekutuan. Beliau telah melanjutkan pelajaran peringkat Ijazah Sarjana Muda Perguruan di Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis dalam bidang bahasa Melayu. Kini, beliau sedang melanjutkan pelajaran peringkat sarjana bahasa Melayu di Universiti Sains Malaysia.

Muhammad Zuhair Zainal ialah seorang pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia. Kepakaran beliau dalam bidang pragmatik terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dan Islam. Beliau turut mempunyai minat terhadap kajian sastera dan pendidikan khas. Di samping itu, beliau juga banyak terlibat dalam penyelidikan pedagogi dan kurikulum.